

## **Tugasan Sejarah: Peristiwa Bersejarah di Tempat Tinggal Anda**

Pelajar boleh memilih tajuk peristiwa bersejarah di tempat anda seperti

1. Hari Kebangsaan
2. Hari Malaysia
3. Temasya Sukan Sekolah
4. Kejohanan / Pertandingan
5. Pengisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah
6. Pengisytiharan Bandaraya Johor Bahru
7. Penganjuran Sukan Komanwel / Kejohanan Sukan
8. Pembinaan Tugu / Menara Berkembar Petronas / Menara KL / Menara MBPJ
9. Pembinaan bangunan seperti sekolah / stadium / dewan
10. ....dan sebagainya

Walau bagaimanapun kesemuanya tertakluk kepada kehendak / nasihat guru masing-masing. Pelajar mesti ikut arahan guru masing-masing.

Kalau guru sekolah hendak huraian dipanjang lebarkan, maka huraian dipanjang lebarkan. Jika hendak diperbanyakkan contoh, maka diperbanyakkan contoh. Maklumlah, guru sekolah adalah yang menyemak dan memberi markah kepada tugas anda.

Diharap contoh-contoh berikut dapat membantu pelajar.

Contoh Tugas  
Sejarah PT3 2017

Peristiwa Bersejarah  
di Tempat Tinggal Anda

**PENGISYTIHARAN PUTRAJAYA  
SEBAGAI  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA**

Ditulis oleh : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_

No. Kp : \_\_\_\_\_

Angka Giliran : \_\_\_\_\_

**\*Contoh tugas ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar membuat tugas sendiri. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat. Sumber rujukan yang dipetik perlu dinyatakan. Pelajar hanya perlu mengolah semula maklumat dengan ayat sendiri.**

## 1.2 JADUAL KERJA / SENARAI SEMAK

Bil	Perkara	Halaman	Tarikh	Tandatangan
1.1	Tajuk kajian	1		
1.2	Jadual kerja / Senarai semak	2		
1.3	Objektif kajian	3		
1.4	Kaedah kajian	4		
2.1	Mengumpul maklumat	5		
2.2	Kerangka kasar penulisan	8		
3.1	Pengenalan	9		
3.2	Faktor berlakunya peristiwa bersejarah	13		
3.3	Kronologi peristiwa bersejarah	15		
3.4	Kesan / Impak peristiwa	18		
3.5	Iktibar masa kini	19		
3.6	Rumusan	10		
3.7	Rujukan	21		
4.0	Membentangkan laporan	22		
4.1	Penilaian umum	23		

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Saya menjalankan kajian ini bagi Kerja Kursus Sejarah adalah untuk mengkaji tentang peristiwa bersejarah yang berlaku di tempat tinggal saya dengan lebih dekat lagi. Melalui kajian ini saya dapat memenuhi objektif berikut:

- a) Kajian ini dilakukan secara amnya ialah untuk mengenal pasti sumber-sumber sejarah yang sahih. Ini akan dapat membantu saya membuat satu kajian ilmiah dengan tatacara yang betul, jelas dan tepat.
- b) Kajian ini dapat menambah pengetahuan saya saya tentang peristiwa bersejarah di tempat tinggal saya serta dapat memupuk perasaan bangga terhadap tanah air kita. Kajian ini juga dapat menyedarkan rakyat Malaysia betapa pentingnya peristiwa bersejarah di negara kita kerana ianya dapat menyedarkan kita untuk menjaga dan mempertahankan bangsa serta memupuk semangat kekitaan dikalangan rakyat Malaysia.
- c) Dengan membuat kajian ini, saya dapat mengambil iktibar daripada peristiwa bersejarah yang belaku. Ianya menyedarkan saya bahawa perpaduan kaum serta bersifat adil, jujur dan amanah amat penting pada diri setiap individu.
- d) Saya juga dapat memupuk semangat patriotisme di dalam diri saya dan juga dalam kalangan generasi muda melalui kajian ini.

## 1.4 KAEDAH KAJIAN

Sebanyak 5 kaedah kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan bersistematik.

### i. Kaedah analisis dokumen

Saya juga turut merujuk dokumen dari ..... untuk memastikan kesahihan fakta yang ada. Dengan ini, penulisan kajian saya tidak akan diragui akan kebenarannya.

### ii. Kaedah penyelidikan perpustakaan

Saya juga turut mengunjungi perpustakaan ..... untuk menjalankan penyelidikan sumber-sumber yang ada di situ. Dengan penyelidikan sumber yang pelbagai seperti buku ilmiah, akhbar, majalah dan sebagainya akan menguatkan lagi kajian saya.

### iii. Muat turun internet

Saya turut menggunakan kemudahan ict yang terdapat dalam negara kita dengan melayari laman sesawang produk yang dikaji malah turut memuat turun bahan yang terdapat sebagai rujukan.

### iv. Bimbingan Guru

Saya telah mendapat bimbingan guru, iaitu Puan .....

### v. Temubual

Kaedah yang saya jalankan dalam menyiapkan kerja kursus ini antaranya ialah dengan menggunakan kaedah lisan iaitu melalui temubual dengan orang sumber saya yang sememangnya pakar tentang Pembangunan Putrajaya ini. Beliau banyak memberi maklumat tentang sejarah Putrajaya.

## 2.1 MENGUMPUL MATLUMAT

\*Pelajar perlu melampirkan fotokopi potongan akhbar / majalah / rencana/ halaman buku, gambar-gambar foto, risalah atau sumber-sumber lain.

### a) BUKU ILMIAH

- Nama Pengarang :
- Tahun Terbit :
- Tajuk Buku :
- Tempat Terbit :
- Penerbit :

### b) AKHBAR

- Nama Akhbar : Utusan Malaysia
- Tarikh : 2 Februari 2001
- Halaman : 6

### c) MAJALAH

- Nama majalah : Virtual Malaysia
- Tarikh : 4 Oktober 2007
- Halaman : 78

d) **INTERNET**

- Hari Ini Dalam Sejarah – Arkib Negara, <http://www2.arkib.gov.my>

e) **ORANG SUMBER**

- Nama :xxxxxx
- Umur :xxxxx
- Alamat :xxxxx

f) **TELEVISYEN**

- Tajuk program :Ezzy Sunday: Kembara Destinasi
- Tarikh :19 April 2009
- Masa :11.00 -11.30 pagi
- Rangkaian :RTM

## LAPORAN TEMUBUAL BERSAMA ORANG SUMBER

Saya telah menemubual seorang responden di Putrajaya. Beliau telah lama tinggal di Putrajaya. Nama beliau ialah xxxxx.

Beliau telah menceritakan serba sedikit mengenai sejarah Putrajaya kepada saya. Menurut beliau, Putrajaya asalnya merupakan sebuah ladang kelapa sawit dan getah yang bernama Prang Besar.....

.....  
.....  
.....

Setakat ini sahajalah yang dapat saya peroleh hasil daripada temubual saya bersama responden.

**\* Laporan di atas boleh ditulis dalam bentuk dialog (soal-jawab).**



## 2.2 Kerangka Kasar Penulisan

### (a) Tajuk Kajian

Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan Malaysia

### (b) Nama Penulis

XXXX

### (c) Isi Kandungan

- i. Pengenalan : Upacara Pengisytiharan  
: Majlis penyerahan bendera Putrajaya  
: Mengenang jasa Bapa Kemerdekaan
- ii. Faktor berlakunya
  - Atas cetusan idea bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.
  - Putrajaya menggantikan Kuala Lumpur
  - Sebagai pusat pentadbiran bertaraf dunia
- iii. Kronologi peristiwa
  - Asalnya, ladang terpencil
  - 1994 : Mendapat nama Putrajaya
  - 1995 : Mula dibina
  - 1999 : Kompleks Pejabat Perdana Menteri
  - 2000 : Perjanjian Penyerahan Putrajaya oleh Kerajaan Negeri Selangor.
  - 2001 : Upacara Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan Malaysia.
- iv. Impak/Kesan: - Memberi pengajaran dan iktibar  
- Memupuk perasaan bangga/cintakan tanah air  
- Memupuk semangat perpaduan
- v. Iktibar : Rakyat bersatu-padu ke arah 1 Malaysia.

(d) Rumusan: Merealisasikan Wawasan 2020

(e) Sumber Rujukan: [www.xxxx](http://www.xxxx)

Majalah

Akhbar

**\*\*\*Pelajar perlu menulis secara ayat ringkas kerangka kasar ini.**

### 3.1 PENGENALAN



*TUN MAHATHIR Mohamad menandatangani plak pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di Putrajaya.*

*--ARKIB : UTUSAN MALAYSIA ( 02/02/2001)*

2 Februari 2001, upacara Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di Dataran Perdana Putrajaya disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Selangor, Dato' Dr. Mohd Khir Toyo.

Pada majlis penuh bersejarah ini Perdana Menteri menyerahkan bendera Putrajaya yang menjadi Wilayah Persekutuan kepada Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainal Abidin. Perbadanan Putrajaya bertanggungjawab menguruskan segala pembangunan dan pentadbiran Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Bandaraya ini mesra alam dan bertemakan 'Bandaraya Dalam Taman'. Bandaraya ini dinamakan Putrajaya bagi mengabadikan jasa dan pengorbanan Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

### 3.2 Faktor Berlakunya Peristiwa Bersejarah




**Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Prang Besar**



**Bendera**



**Mohor**



<https://www.google.com/maps/place/Putrajaya,+Malaysia/@2.9387902,101.7021949,13z/data=!4m5!3m4!1s0x31cdb625448e0b23:0x85165e8fa981af6c!8m2!3d2.926361!4d101.696445?hl=en>

1. **Putrajaya merupakan cetusan idea bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kata beliau bahawa, keputusan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan adalah satu langkah ke hadapan.**

Ini adalah selaras dengan inspirasi negara memastikan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru ini berfungsi dengan sepenuhnya.

2. **Putrajaya bertujuan untuk menggantikan Bandaraya Kuala Lumpur.**

Putrajaya merupakan sebuah Bandar terancang yang baru bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Kuala Lumpur kini terlalu padat dan tiada ruang untuk sebarang pembangunan selanjutnya.

3. **Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bertaraf dunia.**

Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran yang terancang. Kesemua Kementerian Kerajaan ditempatkan di dalam satu wilayah ini. Ini membolehkan kerajaan mempertingkatkan lagi khidmatnya kepada rakyat dengan lebih cekap, cepat dan berkesan.

### 3.3 Kronologi Peristiwa Bersejarah



Putrajaya, asalnya merupakan ladang getah dan kelapa sawit dikenali dengan nama Prang Besar yang tidak melebihi 5000 hektar luasnya.

**Mulai 12 Oktober 1994** – Kawasan yang terpencil ini melonjak membangun dengan nama Putrajaya, atas idea yang dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad .

**16 April 1995** – Bandar pintar ini mula dibina dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat (IT). Bandar ini juga dilengkapi dengan infrastruktur tercanggih akan setanding dengan Tokyo di Jepun mahupun Washington D.C di Amerika Syarikat.

**10 Mei 1999** – Kompleks Pejabat Perdana Menteri mula beroperasi di Putrajaya. Ini meletakkan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung tapak kerajaan telah berpindah dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, akibat kesesakan dan kepadatan di kawasan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur kekal sebagai ibu negara Malaysia.

**7 November 2000** – Perjanjian penyerahan Putrajaya daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan ditandatangani. Merupakan satu pengorbanan besar Kerajaan Negeri Selangor atas persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah Duli Yang Teramat Mulia Pemangku Sultan Selangor. Sesungguhnya dengan terbinanya Putrajaya akan membolehkan kerajaan melaksanakan pentadbiran dan pembangunan dengan lebih cekap dan pesat.

**2 Februari 2001** – Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan Malaysia yang ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan. Bandar futuristik yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia hari ini menjadi mercu tanda utama ke arah Wawasan 2020.

### 3.4 Kesan / Impak Peristiwa

Pengisytiharan Putrajaya banyak memberi kesan kepada diri masyarakat setempat dan Negara.

#### a) Diri

Kesan utama ialah dapat memupuk semangat patriotik yang tinggi dalam kalangan remaja. Remaja menjadi cemerlang dan berjaya.

#### b) Masyarakat Setempat

Masyarakat menikmati suasana kemudahan hidup yang selaras dengan tahap kemajuan negara. Masyarakat menjadi progresif dan hidup dengan aman damai ke arah 1 Malaysia.

#### c) Negara

Pentadbiran negara menjadi medan, cekap dan berkesan serta maju. Malaysia yang maju akan menjadi kenyataan selaras dengan Wawasan 2020.



### 3.5 Iktibar daripada Peristiwa Bersejarah

Pengisytiharaan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan banyak memberi iktibar dan pengajaran kepada generasi masakini. Kemajuan yang tercapai kini jelas menunjukkan adalah hasil perjuangan dan kebijaksanaan para pemimpin.

Walau bagaimanapun, kemajuan yang dikecapi tidak dapat dinikmati tanpa kerjasama dan sokongan penuh daripada rakyat. Oleh itu, rakyat dan pemimpin harus sentiasa berganding bahu selaras dengan tema 1 Malaysia.

Kita perlu merenung kembali peristiwa sejarah yang berlaku agar dapat memberi pengajaran kepada generasi muda. Generasi muda harus cemerlang, maju dan mempunyai inisiatif untuk berusaha tanpa mengenal penat lelah jikalau hendak mencapai sesuatu kejayaan.

Pada masa yang sama, rakyat juga harus hidup bersatu padu dalam masyarakat yang majmuk dan terbilang ini. Prasangka buruk dan perasaan dengki antara kaum harus disingkirkan sama sekali.

Ingat, kejayaan Malaysia hari ini adalah daya usaha dahulu, manakala usaha hari ini adalah kejayaan yang akan datang.

### 3.6 Rumusan

Saya berbangga kerana berjaya menyiapkan tugas sejarah ini dengan baik. Ketika membuat tugas sejarah ini, banyak pengetahuan saya perolehi secara tidak langsung. Antaranya ialah seperti asal usul, fungsi dan tujuan penubuhan Putrajaya.

Nilai-nilai murni seperti kerjasama, hormat-menghormati dan sebagainya dapat dipupuk dalam diri pelajar. Hubungan silaturahmi antara para pelajar juga bertambah erat. Tugas sejarah ini juga dapat memupuk semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Kami berbangga dengan perjuangan pemimpin negara. Diharap peristiwa bersejarah ini akan meledakkan kemajuan negara ke aras yang lebih tinggi.



### 3.7 Rujukan

#### **Buku Ilmiah**

-

#### **Majalah**

-

#### **Akhbar**

-

#### **Orang Sumber**

XX

#### **Internet**

<http://pekhabar.com/h-i-d-s-dr-mahathir-isytihar-putrajaya-sebagai-wilayah-persekutuan/>

<https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Putrajaya>

<https://www.google.com/maps/place/Putrajaya,+Malaysia/@2.9387902,101.7021949,13z/data=!4m5!3m4!1s0x31cdb625448e0b23:0x85165e8fa981af6c!8m2!3d2.926361!4d101.696445?hl=en>

#### **Televisyen**

-

#### 4. Membentangkan Laporan

- Pelajar harus membentangkan laporan hasil kajian di hadapan kelas
- Pelajar boleh menggunakan power point atau kertas 'majang'
- Pelajar boleh berucap berpandukan kerangka kasar

**\*\*\* Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagam. Gunakan tips ini sebagai panduan.**

**Hurry Join Andrew Choo's PT3  
Package Classes (6 subjects)**

**"PT3 Score A Programme"  
Specially for Form 3 students**

**Get our 100% exam tips (PT3)  
for BM, BI, Mathematics, Science &  
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now  
via [www.andrewchoo.com.my](http://www.andrewchoo.com.my)**

**or**

**Join our [LIVE Seminar PT3](#)  
at University Malaya on 10 Sept'17 (Sun)\*\***